

Headline **Kolej Risda bertaraf universiti**
Date **29. Jun 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Minggu** Page No **20**
Section **Nasional** Article Size **89** cm2
Circulation **342946** Frequency **Daily**
Readership **2476000** Color **Full Color**



Kolej Risda bertaraf universiti

JITRA: Kolej Risda akan dinaik-taraf menjadi kolej universiti yang menawarkan sijil dan diploma pertaniannya sendiri yang lebih relevan dengan revolusi pertanian selain memenuhi kehendak pasaran semasa, dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, berkata pengiktirafan sebagai sebuah kolej universiti itu nanti sekali gus membolehkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) berkenaan mencipta transformasi baru dalam model pendidikan tinggi negara khususnya dalam bidang pertanian.

Katanya, ketika ini Kolej Risda yang dibina di Ayer Pa'abas Masjid Tanah, Melaka pada 1997 adalah IPTS francais Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan diploma dalam bidang pertanian, pengurusan perniagaan dan sains Komputer.

"Risda membuat keputusan menaikkan taraf Kolej Risda selaras usaha memancing minat golongan muda menjadikan bidang pertanian sebagai kerjaya selain untuk melahirkan lebih ramai usahawan tani.

"Kita merancang menjadikannya kolej universiti yang akan memberi kelebihan kepada pelajarinya apabila program pengajian berkembar dengan pusat pengajian di Thailand dan Indonesia diwujudkan tidak lama lagi," katanya selepas Majlis Pelancaran Tahun Produktiviti 2008 Risda Kedah.

Terdahulu, beliau menyampaikan peruntukan RM768.90 kepada setiap pekebun kecil yang hadir pada majlis terbabit.